

**NO. SOALAN: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7592**

**SOALAN:**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini yang ditahan atas sebab menyertai perjuangan dan memberi sumbangan kepada Militan Negara Islam (IS) serta adakah Kerajaan mempunyai program khusus dalam memberi bimbingan kepada individu yang terbabit dengan IS kembali ke pangkal jalan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sehingga 27 Februari 2015, seramai 55 orang rakyat Malaysia telah ditahan kerana terlibat dalam kegiatan Kumpulan Militan *Islamic State* (IS) termasuklah aktiviti mereka untuk merekrut ahli baru dan memberi dana kepada kumpulan ini.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Selaras dengan penggubalan rang undang-undang pencegahan yang khusus untuk menangani ancaman keganasan ini, Kerajaan sedang mengkaji untuk menggubal satu Modul Pemulihan bagi meneutralkan semula konsep-konsep jihad kepada mereka yang ditahan agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Usaha ini adalah untuk mengembalikan mereka semula ke pangkuan masyarakat dan memberi peluang kedua kepada mereka untuk insaf di atas perbuatan mereka yang sia-sia itu.**